



# UniMAP CIPTA REKOD KELUARGA ANGKAT TERBESAR BUAT KALI KE-2



Program Baktisiswa Perdana Siri II Peringkat Negeri Perlis 2008 telah diadakan secara serentak pada 25 hingga 27 Julai 2008 di 30 buah kampung terpilih di seluruh Negeri Perlis mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri. Program anjuran bersama Universiti Malaysia Perlis dengan Pejabat YAB Menteri Besar Perlis dan Kerajaan Negeri Perlis serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP berkaitan sosio budaya kehidupan masyarakat Negeri Perlis. Program ini akan melibatkan pelajar-pelajar baru UniMAP yang mendaftar bagi sidang akademik 2008/2009.



Pada 25 Julai 2008, bertempat di Dewan 2020 Kangar Perlis, telah berlangsungnya majlis perasmian program ini. Majlis telah diserikan lagi dengan kehadiran Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Md. Isa Sabu dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP yang baru, Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Zainul Ariff Hj. Hussain. Simbolik majlis berkenaan ialah penyerahan pelajar selaku anak angkat kepada ketua kampung dan pengurus JKKA kampung yang terpilih.

Program baktisiswa yang dianjurkan pada tahun ini telah berjaya mengharumkan nama UniMAP dengan terciptanya rekod terbaru di dalam Malaysia Book of Record. Rekod yang tercipta adalah membabitkan 30 kampung, 700 keluarga dan 1,400 pelajar ini telah mengatasi rekod yang telah dibuat oleh Kolej Komuniti Grik Perak pada Oktober tahun lalu.

Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dipetik sebagai berkata, "Perkara penting yang diberi tumpuan dalam program baktisiswa ini bukan hanya rekod semata-mata tetapi lebih kepada pendedahan kepada para pelajar untuk menimba ilmu sebanyak mungkin dan melahirkan pelajar yang mesra masyarakat."

Harapan beliau juga bahawa, program baktisiswa itu dapat melahirkan modal insan yang mampu menggabungkan aspek kerohanian, akhlak, nilai dan unsur jati diri yang sesuai dengan keperluan masyarakat kampung. Ini bukan sahaja menjadikan UniMAP sebuah universiti yang melahirkan graduan dan jurutera sahaja, malah lebih kepada melahirkan modal insan yang sedar akan amanah, tanggungjawab, bekerja dengan ikhlas dan sentiasa menggunakan akal fikiran untuk memajukan diri, masyarakat serta negara.



Tambahnya lagi, melalui program inilah beliau dapat melihat pelbagai manfaat akan diperolehi oleh kedua-dua belah pihak sama ada pelajar maupun penduduk kampung, secara langsung ataupun tidak langsung. Program seperti ini juga akan dijadikan budaya oleh kakitangan dan pelajar UniMAP untuk memberi khidmat bakti kepada masyarakat terutamanya di negeri Perlis.

